



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR



Laporan Tahunan 2023

Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR



Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

KANDUNGAN

BAB 1

PENTADBIRAN & KEWANGAN

Struktur Organisasi	10
Struktur Perjawatan	11
Latihan Dan Kursus	12
Pengurusan Kewangan	12
Pengurusan Teknologi Maklumat	16

BAB 2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Penilaian Input Pembangunan	19
Penilaian Laporan EIA	20
Pemberitahuan Bertulis Dan Perisytiharan Bertulis	23
Geographic Information System (GIS)	23
Penguatkuasaan Projek-Projek EIA	24
Penyelarasan Data Dan Pelan Strategik	29

BAB 3

BAHAGIAN OPERASI

Penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan	32
Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan	37
Penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual	39
Unit Kenderaan Bermotor	41
Aduan Pencemaran	49
Rondaan Ops Pembakaran Terbuka	50
Pendakwaan	50

BAB 4

PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pengawasan Kualiti Air Tanah	55
Pengawasan Kualiti Udara	58
Pengawasan Kualiti Air Sungai	61
Program Pengawasan	63
Ceramah Alam Sekitar	63
Pameran Alam Sekitar	68

Perutusan Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2023 JAS WPKL.

Laporan Tahunan ini adalah laporan keseluruhan pelaksanaan dan pencapaian aktiviti-aktiviti oleh JAS WPKL sepanjang tahun 2023 dalam mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran serta usaha membudayakan gaya hidup yang lestari.

JAS WPKL sangat komited dalam memantau dan mengawal pencemaran ke atas punca-punca utama yang menyumbang kepada pencemaran air, pencemaran udara dan penghasilan buangan terjadual.

Pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran ini sentiasa diperkemas dan diperkukuhkan dari masa ke semasa bagi memastikan pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dapat dicapai dan ketidakpatuhan dapat dikurangkan. Ini sekaligus dapat meningkatkan kualiti alam sekeliling dan menjamin kehidupan yang sejahtera.

JAS WPKL turut giat menjalankan promosi kesedaran dan pendidikan alam sekitar kepada pelbagai peringkat masyarakat sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan menjaga alam sekitar yang merupakan tanggungjawab bersama.

Adalah diharapkan, Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sumber rujukan dan bermanfaat kepada orang awam dan pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan maklumat dan laporan berkaitan data alam sekitar. Ianya diharapkan dapat memberi pemahaman kepada orang awam dan bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar dengan lebih tepat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi-agensi sahabat seperti Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mengembeling usaha dan tenaga bersama-sama Jabatan ini bagi memelihara dan memulihara alam sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua warga kerja JAS WPKL yang telah memberikan komitmen sepenuhnya di atas penerbitan Laporan Tahunan ini, yang juga boleh diakses secara dalam talian dan juga 'hardcopy'.

ZURAINI BINTI AHMAD TAJUDIN
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR



Jabatan Alam Sekitar **2023**

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

L4-I-3, Hive 5, Taman Teknologi Meranti, Lebuhraya Bukit Jalil, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Pegawai
53 (Teknikal)
14 (Pentadbiran)



Kenderaan
13



Projek EIA **10**


- MRT Laluan 2;
- Lebuhraya SPE;
- Lebuhraya SUKE;
- Kompleks penyelidikan UPNM, Kem Sungai Besi;
- Loji kumbahan Serantau Batu, Jinjang;
- Seksyen 57, Jalan Raja Chulan
- KL East, Mukim Setapak;
- Kg. Kerinchi & Pantai Dalam;
- Jln Lingkaran Tengah II, Taman Beringin; dan
- Taman Persekutuan, Bukit Kiara.



KENDERAAN BERDAFTAR
6.64 JUTA

Premis

Udara Bersih



Buangan Terjadual

Efluen Perindustrian/
Kumbahan

Lembangan Sungai **1**

Sungai Klang

Stesen Pengawasan

Sungai **27**


Manual River Water Quality Monitoring (26);
Continuous River Water Quality Monitoring (1).

Udara **3**

Batu Muda; Cheras; dan Putrajaya.

Air Tanah **7**

Taman Beringin Kepong (2);
Jalan Sungai Besi (3);
Royal Selangor Golf Club (1);
Taman Wetland Putrajaya (1).



Bil. Kompaun : 512

Hasil : RM 254,100.00

Jabatan Alam Sekitar 2023

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

L4-I-3, Hive 5, Taman Teknologi Meranti, Lebuhraya Bukit Jalil, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bahagian Pembangunan

PENILAIAN EIA, INPUT PEMBANGUNAN, NOTIFIKASI & GEOSPATIAL

- 21 permohonan input pembangunan (swasta, PBT & agensi kerajaan);
- Daripada 4 laporan EIA yang telah diproses, hanya 3 sahaja yang diluluskan;
- Berjaya mengekalkan pematuhan kepada Objektif Kualiti MS ISO 9001:2015;
- Tempoh memproses Laporan EIA adalah 25 hari bekerja;
- 174 Pemberitahuan Bertulis & Perisytiharan Bertulis SKPU;
- 49 penerbangan dron bagi kerja-kerja pemantauan & penguatkuasaan AKTA 1974; dan
- 4 siri latihan dron.

POST EIA

- 120 penguatkuasaan terhadap kesemua projek EIA;
- 13 Notis Arahan; dan
- 1 kompaun telah dikeluarkan.

PENGAWASAN & KESEDARAN

- Pengawasan kualiti air tanah, udara dan air sungai;
- Pengawasan secara pemantauan di lapangan;
- Pemantauan secara dekstop melalui sistem EQMP & E-KAS;
- Pengawasan Kualiti Udara - 3 stesen CAQM & 3 stesen MAQM;
- Pengawasan kualiti Air Sungai - 1 stesen CRWQM & 26 stesen MRWQM;
- Pengawasan Kualiti Air Tanah - 24 kali; dan
- 39 siri ceramah & 28 aktiviti pameran alam sekitar.

Bahagian Operasi

KENDERAAN MOTOR

- Operasi Statik (24 operasi);
- Operasi Bersepadu (116 operasi);
- Operasi Catat (221 operasi);
- Kawalan Punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) (33 siasatan);
- Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam (8 siasatan);
- Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) (111 buah kenderaan);
- Kawalan pelepasan gas daripada kenderaan petrol (4 operasi);
- Kawalan pelepasan bunyi bising daripada motosikal (87 operasi); dan
- Kawalan pelepasan gas daripada motosikal (5 operasi).

PYDT & LOJI KUMBAHAN

- Premis Yang Ditetapkan (PYDT), 40 siasatan penguatkuasaan, 7 Notis Arahan dan 1 kompaun;
- Loji pengolahan kumbahan IWK & persendirian, 117 siasatan penguatkuasaan, 52 Notis Arahan, 2 kompaun dan 3 kertas siasatan.

PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

- Kategori Pembuatan, Bukan Pembuatan, Tapak Pelupusan Sampah dan Loji Rawatan Air;
- 1219 penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 37 penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- 10 siri Ops Gempur;
- 101 Notis Arahan;
- 47 kompaun; dan
- 13 kertas siasatan.

UNIT ADUAN

- 628 aduan yang diterima;
- 129 rondaan Ops Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT);
- Program Kesedaran dan Pencegahan Pembakaran Terbuka bersama agensi-agensi dan Masyarakat di DBKL; dan
- 2 Latihan Hands-On Drone DJI Mavic 3.



BAB 1

PENTADBIRAN & KEWANGAN

Struktur Organisasi

Struktur Perjawatan

Latihan Dan Kursus

Pengurusan Kewangan

Pengurusan Teknologi Maklumat



Pentadbiran & Kewangan

STRUKTUR ORGANISASI

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) diterajui oleh seorang Pengarah Gred C54 dan dibantu oleh satu (1) orang Timbalan Pengarah Gred C52, satu (1) orang Ketua Penolong Pengarah C48, tiga (3) orang Pegawai Kawalan Kanan Gred C44 dan enam (6) orang Pegawai Kawalan Gred C41/ C44 serta 64 orang anggota kumpulan pelaksana.

JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 33 dari Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (kini dikenali Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam-NRES) di mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah sebanyak 76 perjawatan. Struktur Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan. Carta Organisasi adalah seperti di **Rajah 1.1**.

STRUKTUR PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2023, pengisian perjawatan JAS WPKL adalah sebanyak 66 daripada 76 perjawatan mengikut Surat Pemberitahuan Penempatan berdasarkan B.30 yang terdiri daripada sepuluh (10) orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan enam puluh enam (66) orang dari Anggota Kumpulan Pelaksana. Senarai Perjawatan adalah seperti di **Jadual 1.1**.



Jadual 1.1 : Struktur Perjawatan JAS WPKL, 2023

BIL.	JAWATAN	JUMLAH	PENGISIAN	KOSONG
1.	Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54	1	1	0
2.	Timbalan Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52	1	0	1
3.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48	1	1	0
4.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	3	3	0
5.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44	6	5	1
6.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38	2	1	1
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32	11	11	0
8.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C29	15	14	1
9.	Penolong Jurutera Gred JA29 KUP JAS/Kader JKR	2	2	0
10.	Penolong Jurutera Gred JA29	16	14	2
11.	Juruteknik Gred J22	1	1	0
12.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	1	1	0
13.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29	1	1	0
14.	Penolong Akauntan Gred W29	2	2	0
15.	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19	1	1	0
16.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22	4	3	1
17.	Pembantu Operasi Gred N11	1	1	0
18.	Pemandu Gred H11	7	5	2
JUMLAH		76	66	10

Jadual 1.2 : Pecahan Pegawai JAS WPKL Mengikut Jantina

LELAKI	PEREMPUAN
45	22

Jadual 1.3 : Pecahan Pegawai Mengikut Perjawatan

PEGAWAI TEKNIKAL	PEGAWAI BUKAN TEKNIKAL
53	14

LATIHAN DAN KURSUS

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah menetapkan setiap pegawai perlu menghadiri empat (4) hari berkursus atau latihan pada tahun 2023. Seramai 67 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah melaksanakan keperluan empat (4) hari berkursus sepanjang tahun 2023.


PENGURUSAN KEWANGAN

Peruntukan Kewangan


Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah diperuntukkan sebanyak **RM 5,130,792.80** daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar untuk belanja mengurus dan sebanyak **RM517,200.00** bagi Fot Pembangunan dengan pecahan program seperti **Jadual 1.4**. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Rajah 1.2 dan Rajah 1.3**.

Jadual 1.4 : Pecahan Peruntukan Bagi Fot Pembangunan, 2023

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Projek Berimpak Tinggi dan Kesejahteraan Rakyat	RM476,200.00
2.	Pembangunan Program Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu.	RM40,000.00
3.	Pemeriksaan Dan Pembudayaan Komunikasi, Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar	RM1,000.00
JUMLAH		RM517,200.00



Rajah 1.2 : Perbelanjaan Mengurus, 2019-2023



Rajah 1.3 : Perbelanjaan Pembangunan, 2019-2023

Terimaan Hasil

Kutipan hasil yang diterima bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM261,086.63 dengan pecahan terimaan hasil 2023 adalah seperti **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5 : Pungutan Hasil Mengikut Aktiviti, 2023

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
B0111101	Bayaran Balik Gaji	5,311.89
B0112101	Bayaran Balik Imbuhan Tetap Khidmat Awam	115.00
B0112102	Bayaran Balik Imbuhan Tetap Perumahan	80.00
B0112103	Bayaran Balik Imbuhan Tetap Keraian	80.00
B0112119	Bayaran Balik Imbuhan Tetap Lain	1,446.54
H0176199	Bayaran Kompaun	250,050.00
H171408	Proses Lesen	2,700.00
H181199	Bayaran Balik IWK	720.00
H027330	Jualan Balik Aset (Lupus)	583.20
JUMLAH		261,086.63



Gambarfoto 1.1 : Program Ikrar Bebas Rasuah Dan Sesi Libat Urus Anjuran Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan



Gambarfoto 1.2 : Perhimpunan Bulanan, 2023

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur, perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (Information and Communication Technologies, ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Senarai Aset ICT di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan (JAS WPKL)

Di JAS WPKL terdapat sebanyak 79 unit komputer desktop, 7 unit komputer riba, 10 unit pencetak *monochrome*, 4 unit pencetak *3 in 1 color* (heavy duty) dan 2 unit pengimbas mudah alih.


Aduan Kerosakan

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 7 aduan kerosakan aset ICT dapat diselesaikan di bawah daripada tempoh masa 8 jam.

Sistem Atas Talian (Online Services)

Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pihak industri dalam merekod, mengawasi dan melapor pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Antaranya ialah:

Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (eKAS) - Sistem aplikasi bersepadu yang menampung kapasiti data-data dan maklumat berkaitan dengan punca-punca pencemar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.




Rajah 1.4 : Sistem eKAS

Sistem Maklumat Buangan Terjadual Elektronik (eSWIS) - Sistem bagi mengendalikan pengurusan maklumat bahan buangan terjadual sesuatu premis.




Rajah 1.5 : Sistem eSWIS

Sistem Pemantauan EIA (MySPEIA) - Sistem bagi kegunaan pemaju, kontraktor dan perunding. Di dalam sistem ini data bagi *Environmental Monitoring Report* (EMR) boleh diperolehi.




Rajah 1.6 : Sistem MySPEIA

Sistem Aplikasi *Environmental Spatial Data Repository (ESDR) & Environmental Screening (Input Pembangunan)* - Merupakan platform bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengumpul data spatial yang terdapat di dalam laporan *Term of Reference (TOR) / Environmental Impact Assessment (EIA) / Environmental Management Plan (EMP)* dan input pembangunan alam sekitar.



Rajah 1.7 : Sistem ESDR

Sistem myPremis - Merupakan pangkalan data bagi semua premis mengisytiharkan segala maklumat premis tersebut. Ianya merupakan maklumat seperti sistem pengolahan, efluen perindustrian, alat kawalan pencemaran dan juga maklumat pegawai yang dipertanggungjawabkan.



Rajah 1.8 : Sistem myPremis

Sepanjang tahun 2023 sebanyak 159 punca telah dikemaskini ke dalam sistem eKAS. Manakala sebanyak 255 premis telah didaftarkan sebagai pengguna dalam sistem eSWIS. Ini termasuk pengguna premis, bengkel dan fasiliti kesihatan.



BAB 2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Penilaian Input Pembangunan

Penilaian Laporan EIA

Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis

Geographical Information System (GIS)

Penguatkuasaan Projek-Projek EIA

Penyelarasan Data dan Pelan Strategik




Bahagian Pembangunan

PENILAIAN INPUT PEMBANGUNAN

Penilaian input pembangunan merupakan salah satu proses penting sebagai saringan awal dalam memastikan laporan pembangunan yang dirujuk kepada JAS WPKL adalah selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan selaras dengan rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pada tahun 2023, sebanyak 21 permohonan input pembangunan diterima daripada pelbagai agensi termasuk pihak swasta, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan. Daripada 21 permohonan yang diterima, sebanyak satu (1) permohonan daripada sektor operasi kilang Premis Yang Ditetapkan (PYDT), satu (1) permohonan daripada operasi kilang Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT), sembilan (9) permohonan daripada pembangunan am, sembilan (9) permohonan pembinaan loji pembancuh konkrit (*concrete batching plant*, CBP) sementara dan satu (1) permohonan bagi pembinaan lebuhraya. Bilangan input pembangunan yang diterima mengikut dari tahun 2021 hingga 2023 ditunjukkan seperti dalam **Rajah 2.1**.



Rajah 2.1 : Bilangan Input Pembangunan Yang Diterima Dari Tahun 2021 Hingga 2023

Dalam memproses permohonan penilaian input pembangunan, antara rujukan yang digunakan adalah seperti berikut:


1. *City Planning System (CPS), Online Mapping*, Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020);
2. Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan tanah dan bangunan) (WPKL) 2018;
3. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015; dan
4. *Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM).

Selain itu, pelaksanaan pemeriksaan di lapangan turut dilaksanakan secara fizikal termasuk penggunaan teknologi dron untuk mengumpul data visual daripada udara dan mengenal pasti keseluruhan kawasan pembangunan.

Pemantauan melalui udara telah dilaksanakan oleh JAS WPKL untuk semua permohonan input pembangunan dengan menggunakan dron DJI MAVIC 2 PRO, DJI MAVIC 3 dan DJI MAVIC 2 PRO ENTERPRISE. Data visual daripada udara yang diperolehi akan diproses melalui aplikasi *Geographic Information System* (GIS) bagi tujuan mendapatkan gambaran yang jelas dan terperinci tapak cadangan projek.



Gambarfoto 2.1 : Data Visual Tapak Cadangan Projek Yang Diproses Menggunakan Perisian GIS




Gambarfoto 2.2 : Data Visual Tapak Cadangan Projek Yang Diambil Menggunakan Dron

PENILAIAN LAPORAN EIA

Bagi permohonan input pembangunan yang diklasifikasikan sebagai aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015, mana-mana orang yang berhasrat untuk melaksanakan aktiviti tersebut hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan untuk mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah.

Pada tahun 2023, JAS WPKL telah memproses empat (4) Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) dalam tempoh piagam yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.2**. Daripada empat (4) permohonan tersebut tiga (3) laporan yang diluluskan iaitu di bawah;

1. Aktiviti 14(c)(i), Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling, (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 : Pengolahan dan Pelupusan Buangan-Pembinaan loji kumbahan dengan 20,000 kesetaraan populasi atau lebih;
2. Aktiviti 13, Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling, (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 : Pembangunan di kawasan cerun-Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35°; dan
3. Aktiviti 14(c)(i), Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling. (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 : Bandar baharu-Pembinaan bandar baharu yang terdiri daripada 2000 unit kediaman atau lebih yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.



Rajah 2.2 : Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Tahun

Salah satu Laporan EIA yang diluluskan oleh JAS WPKL pada tahun 2023 adalah Projek Cadangan Pembangunan Bandar Malaysia. Bandar Malaysia dicadangkan sebagai pembangunan bercampur yang akan dibangunkan secara berperingkat bagi mewujudkan komuniti bercampur yang memberi tumpuan kepada kreativiti, inovasi dan pembelajaran. Tapak projek ini dahulunya merupakan pengkalan tentera udara di bawah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).


Bandar Malaysia diramal akan memacu Kuala Lumpur ke arah satu daripada 20 bandar paling sesuai untuk di didiami di dunia dengan rangkaian pengangkutan awam yang mampan, selamat dan cekap untuk menjana ekonomi negara melalui beberapa Pemacu Ekonomi Utama disamping mengekalkan beberapa warisan dan elemen sejarah seperti “Menara Kawalan Trafik Udara (ATC)”.

Strategi kemampanan yang diterapkan melalui komponen daya tahan alam Sekitar bagi Projek Cadangan Pembangunan Bandar Malaysia adalah seperti berikut:

1. Strategi Sponge City
2. Strategi Tenaga Baharu Boleh Diperbaharui
3. Ekologi dan Biodiversiti
4. Pengurusan Sisa
5. Bahan Sumber Tempatan

Cadangan Pembangunan Bandar Malaysia yang berkeluasan 485.76 ekar ini akan dilaksanakan dalam enam (6) fasa bagi meminimakan impak daripada kerja tanah terhadap kualiti air sungai. Penghasilan air sisa kumbahan daripada Cadangan Pembangunan Bandar Malaysia akan diolah di Loji Rawatan Kumbahan Taman Desa yang akan dinaiktaraf oleh pemaju projek.

Tapak cadangan projek juga berada di luar daripada kawasan sensitif alam sekitar dan cadangan mitigasi yang bersesuaian bagi menangani impak terhadap air, udara, bunyi bising, getaran, flora dan fauna akan disediakan oleh penggerak projek sepertimana Laporan EIA yang telah diluluskan. JAS WPKL sentiasa komited bagi memastikan pelaksanaan projek adalah selaras dengan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA bagi cadangan projek.



Gambarfoto 2.3 : Perbincangan Bersama Penggerak Projek dan Jururunding




Gambarfoto 2.4 : Kawasan Landasan Airport Lama (Tapak Cadangan Projek)

Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis Alat Kawalan Pencemaran Udara Dan Air

Berdasarkan Peraturan 5(1), Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014 telah menetapkan supaya pemberitahuan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah 30 hari sebelum kerja-kerja pemasangan alat kawalan pencemaran udara dipasang di mana-mana premis yang digunakan bagi apa-apa maksud perindustrian atau perniagaan.

Pada tahun 2023, JAS WPKL telah menerima sebanyak 174 permohonan pemberitahuan bertulis dan permohonan perisytiharan bertulis sistem kawalan pencemaran udara. **Rajah 2.3** menunjukkan bilangan pemberitahuan bertulis yang diterima sepanjang tahun 2023.



Rajah 2.3 : Pemberitahuan Bertulis Mengikut Kategori Yang Diterima Sepanjang Tahun 2023

Geographic Information System (GIS)


Geospasial

Aplikasi Geospas dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di JAS WPKL bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan

berkesan. Penggunaan teknologi dron turut membantu kerja-kerja geospasial terutama bagi tugas pemantauan dan pengawasan alam sekitar.

Aplikasi Geospas ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis industri atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini telah

diakses secara meluas oleh pegawai JAS dan sangat membantu dalam memproses permohonan input pembangunan, penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan premis, pemantauan premis dan pengawasan alam sekitar. Pada tahun 2023, sebanyak 49 penerbangan dron telah dijalankan bagi kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan AKAS, 1974. Selain itu juga sebanyak empat (4) siri latihan yang melibatkan kerjasama JAS WPKL dengan DJI Mavic 2 Pro Enterprise dan JAS Ibu pejabat seperti di **Gambarfoto 2.1** dan **Gambarfoto 2.2**.



Rajah 2.4 : Bilangan Penerbangan Dron Yang Dijalankan Bagi Kerja Pemantauan Dan Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 Dari Tahun 2020 Hingga 2023



Gambarfoto 2.5 : Taklimat Penerbangan Dron



Gambarfoto 2.6 : Latihan Praktikal Penerbangan Dron

Penguatkuasaan Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015


Penguatkuasaan EIA adalah salah satu aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada projek-projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2005. Penguatkuasaan EIA adalah berdasarkan kepada status syarat kelulusan Laporan EIA (Seksyen 34A (7)) dan status pematuhan syarat Perintah Larangan (Seksyen 34AA) yang telah dikeluarkan oleh JAS.

Aktiviti Penguatkuasaan ini dijalankan bagi memastikan tahap pematuhan EIA-*Project Life Cycle Management* yang tinggi terhadap syarat kelulusan Laporan EIA. Pada tahun 2023, terdapat sebanyak 10 projek EIA yang dipantau oleh JAS WPKL. Senarai projek tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1: Senarai Projek EIA Yang Dipantau Pada Tahun 2023

BIL.	NAMA PROJEK	PENGERAK PROJEK
1.	Proposed Klang Valley Mass Rapid Transit System (MRT)-(MRT Corporation Sdn Bhd)-Line 2	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
2.	Setiawangsa Pantai Expressway (SPE) (Lebuhraya Duke Fasa 3 Sdn Bhd)	Lebuhraya Duke Fasa 3 Sdn. Bhd.
3.	Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (Suke) (Projek Lintasan Kota Holding Sdn Bhd)	Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Bhd.
4.	Cadangan Pembangunan Bercampur Di PT 3638-Pt 3640, Pt 8655, Mk. Setapak, WPKL (Sime Darby Melawati Development Sdn Bhd)	Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.
5.	Projek Pembangunan Komersial (Projek Malola-Pemaju)	Projek Malola
6.	Projek Pembangunan UPNM (JKR)	Jabatan Kerja Raya
7.	Pembangunan Sebuah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal.	Bumi Segar Indah Sdn. Bhd.
8.	Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu, Jinjang, Kuala Lumpur (Jabatan Perkhidmatan Pembentungan)	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
9.	Cadangan Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada (Aset No:KLR360) Di Jalan Bukit Indah 2, Bukit Jalil, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Puncak Gama Sdn. Bhd.
10.	Proposed Residential And Commercial Redevelopment On DBKL'S Land On Lot 1602, 2969 And 2970 In Kampung Kerinchi And Pantai Dalam, Kuala Lumpur	Amona Development Sdn. Bhd.

Pada tahun 2023, sebanyak 120 penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 10 projek EIA tersebut yang melibatkan projek pada peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada penguatkuasaan tersebut, sebanyak 120 *Field Citation*, 13 *Notis Arahan* di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan satu (1) *Kompaun* telah dikeluarkan seperti dalam **Rajah 2.5**.



Rajah 2.5 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek EIA, 2023

Siasatan penguatkuasaan ini telah dilaksanakan dengan melihat beberapa komponen seperti Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) dan *Land Disturbing, Pollution Prevention and Mitigation Measures* (LDP2M2) yang telah diluluskan. Gambar siasatan adalah seperti di **Gambarfoto 2.7** hingga **Gambarfoto 2.12**.

1. Pemeriksaan Ke Atas Projek Pembangunan Sebuah Stesen Pemindahan Stesen Pepejal



Gambarfoto 2.7 : Projek Pembangunan Sebuah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal



Gambarfoto 2.8 : Pemeriksaan Loji KLR 360 Yang Menggunakan Sistem Sequencing Batch Reactors (SBR) Telah Siap Dan Beroperasi



Gambarfoto 2.9 : Pemeriksaan Loji KLR 360 Yang Menggunakan Sistem Sequencing Batch Reactors (SBR) Telah Siap Dan Beroperasi

2. Pemeriksaan Ke Atas Projek Pembangunan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)



Gambarfoto 2.10 : Pemeriksaan Earth Drain Di Projek Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM)



Gambarfoto 2.11 : Turfing Cerun Yang Terdapat Di Projek Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM)

3. Pemeriksaan Terhadap Pembangunan Cerun di Projek Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.



Gambarfoto 2.12 : Pembangunan Cerun Yang Terdapat Di Projek KL East

Aduan Daripada Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015

Pada tahun 2023, JAS WPKL telah menerima 18 aduan daripada projek-projek EIA di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada 18 aduan ini


11 aduan adalah aduan daripada projek Pembangunan Sebuah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (SPSP) yang terletak di Taman Beringin, Kepong. Aduan yang diterima adalah melibatkan bau busuk.

Projek ini sedang dalam fasa pembangunan iaitu menaiktaraf dan menutup stesen sisa pepejal sedia ada. Kebanyakan aduan yang

disiasat adalah berasas dan pihak pemaju telah mengambil langkah pembaikan segera seperti penyemburan *effective microorganism* (EM) di kawasan terbuka dan lapang. Selain itu, pihak pemaju turut mengadakan sesi libat urus bersama dengan penduduk kawasan sekitar bagi memaklumkan status pembinaan projek ini dari semasa ke semasa.

JAS WPKL juga sentiasa memantau rapi pembangunan projek ini demi memastikan tiada pelanggaran terhadap syarat EIA yang telah diluluskan. Projek ini dijangka siap dan beroperasi menjelang suku tahun pertama tahun 2024. Gambar-gambar di kawasan projek adalah seperti di **Gambarfoto 2.13** hingga **Gambarfoto 2.16**.

Bilangan aduan dari projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015 ditunjukkan dalam **Rajah 2.6**.



Rajah 2.6 : Bilangan Aduan Dari Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015, Pada Tahun 2022 Dan Tahun 2023



Gambarfoto 2.13 : Stesen Pemindahan Sisa



Pepejal Sedia Ada

Gambarfoto 2.14 : Kawasan Terbuka Sisa Pepejal



di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Sedia Ada Gambarfoto 2.15 : Keadaan Semasa di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Sedia Ada Yang



Menunjukkan Bukit Sampah Yang Terbuka Gambarfoto 2.16 : Pembangunan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Yang Baharu

PENYELARASAN DATA DAN PELAN STRATEGIK

Unit Penyelaras Data dan Pelan Strategik, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah diwujudkan secara rasminya pada 26 Mei 2023 dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan data bagi program penguatkuasaan, pengawasan dan kesedaran alam sekitar.

Selain itu, ia selaras dengan Pelan Strategik JAS 2021-2030 ke arah memastikan kelestarian alam sekitar terus menjadi agenda utama dalam proses pembangunan negara dan kesejahteraan hidup rakyat.

Fungsi utama Unit Penyelaras Data dan Pelan Strategik, JAS WPKL adalah untuk mengumpul, menyedia dan menyelaras data serta maklumat bagi semua unit di JAS WPKL bagi maksud penyediaan program kerja tahunan, penyediaan pencapaian kerja tahunan dan penyediaan laporan tahunan. Di samping menyedia dan menyelaras data serta maklumat yang tepat, komprehensif dan relevan bagi keperluan JAS Ibu Pejabat. Pada 3 hingga 4 November 2023, Unit Penyelaras Data dan Pelan Strategik

Unit Penyelaras Data dan Pelan Strategik dengan kerjasama Unit Post EIA telah menganjurkan Mesyuarat Pelan Strategik 2023 dan Halatuju 2024 JAS WPKL di Nilai Springs Resort, Negeri Sembilan (**Gambarfoto 2.17**).

Mesyuarat yang melibatkan seramai 51 orang pegawai JAS WPKL ini diadakan bertujuan untuk membentangi dan mengukur pelaksanaan perancangan Pelan Strategik JAS WPKL Tahun 2023, merancang dan menyediakan perancangan Pelan Strategik Tahun 2024 dan menyediakan Takwim Perancangan Pelan Strategik Tahun 2024.

Unit Penyelaras Data dan Pelan Strategik, JAS WPKL komited merancang lebih banyak lagi program di tahun akan datang bagi memastikan data dapat diuruskan dengan baik dan digunapakai sepenuhnya dalam menangani isu dan permasalahan alam sekitar. Selain dapat membantu membuat keputusan berkaitan kawalan pencemaran alam sekitar.





Gambarfoto 2.17 : Mesyuarat Pelan Strategik 2023 dan Halatuju JAS WPKL



BAB 3

BAHAGIAN OPERASI

Penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan

Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan

Penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual

Unit Kenderaan Bermotor

Aduan Pencemaran

Rondaan Ops Pembakaran Terbuka

Pendakwaan

Bahagian Operasi


PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Terdapat pelbagai jenis punca pencemaran seperti punca tetap, punca bergerak dan punca bukan tetap. Punca tetap adalah punca-punca pencemaran dari premis seperti kilang pembuatan, loji rawatan kumbahan, loji rawatan air, pusat servis kenderaan dan lain-lain lagi. Punca tetap juga merangkumi aktiviti sesebuah pusat atau pejabat atau kemudahan yang turut menghasilkan buangan terjadual atau penggunaan janakuasa seperti hotel, klinik, hospital dan pusat khidmat kewangan. Semua punca tetap ini dikenali dengan terma “Premis Yang Bukan Ditetapkan” (PYBDT).

Penguatkuasaan yang dijalankan oleh JAS WPKL ke atas PYBDT merangkumi kawasan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP). Pemeriksaan PYBDT adalah berdasarkan kepada empat (4) peraturan utama yang terkandung di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009; dan
4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.


JAS WPKL telah merekodkan sebanyak 2657 inventori punca-punca pencemaran dari Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Senarai PYBDT adalah tertakluk di bawah Kategori Pembuatan, Bukan Pembuatan, Tapak Pelupusan Sampah dan Loji Rawatan Air. Lokasi premis-premis (PYBDT) tersebut telah dikategorikan mengikut parlimen seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.1**. Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya pula, hanya terdapat satu (1) kawasan Parlimen sahaja iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan jumlah PYBDT sebanyak 74.



Rajah 3.1 : Bilangan Premis PYBDT Mengikut Kawasan Parlimen Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) juga mempunyai dua (2) punca yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009 iaitu Tapak Pelupusan Sampah dan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur. Terkini, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin sedang dinaiktaraf mengikut syarat-syarat Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling yang telah diluluskan pada Disember 2020.


Pada Tahun 2023, penguatkuasaan operasi JAS WPKL terus memantau pematuhan premis-premis yang tertakluk di bawah AKAS, 1974 bagi memastikan pencemaran terhadap alam sekitar yang berpunca daripada premis-premis ini tidak berlaku. **Rajah 3.2** menunjukkan pematuhan industri dan bukan industri di bawah AKAS, 1974 di WPKL bagi tahun 2023.



Rajah 3.2 : Pematuhan PYBDT Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pada tahun 2023, sebanyak 1219 pemeriksaan telah dijalankan di WPKL. Hasil daripada siasatan pemeriksaan tersebut didapati sebanyak 110 pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, 822 pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, 261 pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan 12 pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009.

Pemeriksaan juga mendapati sebanyak 26 pemeriksaan gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, 118 pemeriksaan gagal patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan 39 pemeriksaan gagal patuh Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.



Rajah 3.3 : Pematuhan PYBDT Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 Di Wilayah Persekutuan Putrajaya

Pada tahun 2023, sebanyak 20 siasatan pemeriksaan telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Hasil daripada siasatan pemeriksaan tersebut didapati sebanyak dua (2) pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, 12 pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan tiga (3) pemeriksaan patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Pemeriksaan juga mendapati sebanyak tiga (3) pemeriksaan gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 10 siri Ops Gempur telah diadakan. 175 premis bermasalah dan berpotensi menyebabkan pencemaran di bawah AKAS, 1974 telah menjadi keutamaan untuk diperiksa. Antaranya adalah premis yang terletak di atas jajaran *River of Life (RoL)* seperti premis penyembelihan dan memproses ayam, hospital dan pusat kesihatan, *batching plant*, bengkel kenderaan selain premis-premis bermasalah dan berpotensi menyebabkan pencemaran dan menimbulkan aduan berulang telah digempur.

Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, AKAS 1974 telah dikeluarkan, manakala kompaun dan tindakan mahkamah telah pun diambil terhadap kesemua ketidakpatuhan ini.



Gambarfoto 3.1 : Salah Satu Batching Plant Yang Terdapat di Sekitar Ibu Negara Kuala Lumpur



Gambarfoto 3.2 : Pemeriksaan Alat Penapis Beg, Alat Kawalan Udara Yang Terdapat Di Batching Plant

JAS bersama-sama agensi sahabat penguatkuasa yang lain turut bekerjasama melaksanakan penguatkuasaan ke premis-premis yang disyaki mencemar alam sekitar di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi menangani aduan awam dan memastikan pencemaran alam sekitar terus terpelihara, JAS telah menjalankan Ops Bersepadu bersama-sama agensi penguatkuasaan lain seperti Pihak Berkuasa

Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar (JKAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan *Indah Water Consortium* (IWK) telah menggempur premis-premis yang disyaki melakukan pencemaran alam sekitar.

Sebuah premis yang menjalankan aktiviti menyembelih, memproses dan membekalkan ayam kepada peniaga dan penduduk di sekitar Kuala Lumpur telah digempur dalam Ops Bersepadu sewaktu premis sedang beroperasi pada Ogos 2023. Premis telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 kerana telah melepaskan efluen perindustrian yang tidak dirawat ke alur air. Lesen perniagaan premis juga turut digantung oleh pihak DBKL kerana telah melanggar syarat lesen perniagaan.



Gambarfoto 3.3 : Bahagian Hadapan Premis Penyembelihan dan Memproses Ayam



Gambarfoto 3.4 : Ayam Yang Dibersihkan Dan Digantung Pada Conveyor



Gambarfoto 3.5 : Proses Mencuci Ayam Setelah Melalui Conveyor



Gambarfoto 3.6 : Lubang Longkang (Sump Pit) Yang Digunakan Untuk Mengalirkan Efluen Perindustrian Ke Alur Air

JAS WPKL juga turut menyertai Ops Sepadu jempunan pihak Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL ke Jalan Raja Aliah, Segambut, WPKL pada Disember 2023. Selain jabatan di bawah DBKL seperti Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan, Ops Sepadu ini turut disertai pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kawasan tersebut didapati menjalankan aktiviti memotong dan mengetuk kenderaan, membeli dan menjual alat ganti kenderaan terpakai iaitu kereta import selain beroperasi sebagai gudang dan stor alat ganti kenderaan.

Pemeriksaan mendapati, premis tidak tertakluk di bawah AKAS 1974, tetapi aktiviti di kawasan tersebut berpotensi menyebabkan pencemaran seperti pembakaran terbuka dan pembuangan minyak hitam. Melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976, JAS WPKL telah meminta kerjasama pihak DBKL untuk mengambil tindakan sewajarnya di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Rujuk Gambar foto 3.7 hingga 3.10)



Gambarfoto 3.7 : Pandangan Atas Lokasi Ops Sepadu



Gambarfoto 3.8 : Kerja-Kerja Dismantling Enjin Kenderaan



Gambarfoto 3.9 : Kereta Potong (Import) Yang Terdapat Di Premis



Gambarfoto 3.10 : Alat Ganti Enjin Kenderaan Import

Pemeriksaan bagi pematuhan AKAS 1974 telah dijalankan di beberapa premis di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya melibatkan Loji Rawatan Air, Klinik dan Hotel. Pemeriksaan dijalankan bagi menentukan pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.



Gambarfoto 3.11 : Stor Pengurusan Buangan Terjadual di Premis Loji Rawatan Air (LRA)




Gambarfoto 3.12 : Pelabelan Buangan Terjadual Yang Terdapat di Klinik



Gambarfoto 3.13 : Pemasangan Cerobong Daripada Pengahar, Alat Kawalan Pencemaran Udara di Premis Institut Pengajian Tinggi (IPT)


LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN

Salah satu punca pencemaran air di Wilayah Persekutuan ialah loji pengolahan kumbahan yang dibina seiring dengan bilangan kepadatan penduduk yang tinggi di Ibu Negara Malaysia. Sebanyak 202 Loji Pengolahan Kumbahan tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 yang terdapat di WPKL dan Putrajaya yang terdiri daripada 167 loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan 35 loji pengolahan kumbahan milik persendirian yang berstatus operasi pada tahun 2023 seperti di **Rajah 3.4**.



Rajah 3.4 : Bilangan Loji dan Bilangan Pemeriksaan Loji Pengolahan IWK dan Loji Pengolahan Persendirian pada tahun 2023

Pada tahun 2023, sebanyak 105 pemeriksaan telah dijalankan terhadap premis premis loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan 12 loji pengolahan kumbahan milik persendirian di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52 notis arahan telah dikeluarkan, dua (2) kompaun dan tiga (3) kertas siasatan telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi loji pengolahan kumbahan semasa siasatan pemeriksaan untuk tindakan penambahbaikan pihak pemilik loji pengolahan kumbahan berkenaan. Bilangan tindakan penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 pada tahun 2023 adalah seperti **Rajah 3.5**.



Rajah 3.5 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Loji Kumbahan di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya Pada Tahun 2023

Gambarfoto 3.14 dan **Gambarfoto 3.15** merupakan di antara koleksi gambar-gambar sepanjang penguatkuasaan di loji pengolahan kumbahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya oleh pegawai-pegawai Penguatkuasa JAS WPKL pada tahun 2023.



Gambarfoto 3.14 : Perbincangan Dengan Pengendali Loji Semasa Pemeriksaan Di Loji Pengolahan Kumbahan



Gambarfoto 3.15 : Persampelan Untuk Di Hantar Ke Jabatan Kimia Malaysia

Sebagai contoh satu kes ketidakpatuhan daripada hasil penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah di Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

Terminal Bersepadu Selatan (TBS) ini adalah milik Kerajaan Malaysia, mula beroperasi tahun 2011. TBS di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri sebelum bertukar pengurusan kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Terminal bersepadu ini juga mempunyai Loji Pengolahan Kumbahan yang berkapasiti 1300 PE dengan kadar alir kemasukan kumbahan 292 m³/hari. Loji kumbahan ini

juga diselia oleh syarikat pengusaha yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia.

Hasil siasatan pegawai penyiasat mendapati pelepasan melebihi had adalah disebabkan oleh satu punca masalah yang tidak dapat diselesaikan iaitu masalah *Population Equivalent* (PE) yang berlebihan berbanding dengan PE Loji Kumbahan semasa rekabentuk pembinaan.

TBS dibina pada tahun 2008 dengan perancangan rekabentuk asalnya adalah hanya untuk menampung rangkaian perkhidmatan bas ekspres untuk perjalanan dari Lembah Klang ke Selatan Semenanjung Malaysia sahaja dengan kapasiti pengguna 20,000 hingga 40,000 orang sehari.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, dan 2015, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang kini dikenali sebagai Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah menyelaras dasar sistem pengangkutan awam bersepadu Lembah Klang dengan penutupan dan pemindahan terminal bas ekspres Hentian Putra (Destinasi Pantai Timur) dan Hentian Pudu Sentral (Destinasi Utara). Secara tidak langsung, berlaku peningkatan jumlah kapasiti pengguna kepada 60,000 orang sehari dan meningkat kepada 70,000 hingga 80,000 orang pada waktu puncak, musim perayaan dan musim cuti sekolah yang mengendalikan operasi lebih 100 buah bas pada satu masa ke destinasi Utara, Selatan dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan jumlah perjalanan 1,000 ketibaan dan 1,000 pelepasan sehari.

Oleh yang demikian, pelaksanaan dasar-dasar baru tersebut telah memberi implikasi terhadap pengendalian operasi

dan penyelenggaraan terminal ini kerana perancangan asal pembinaannya tidak mengambil kira penambahan drastik bilangan pengguna bas ekspres ke destinasi Utara dan Pantai Timur.

Jabatan ini telah mendapatkan ulasan bertulis daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia mengenai status pemilikan premis Terminal Bersepadu Selatan dan pengoperasian loji pengolahan kumbahan yang terkini serta cadangan dan hala tuju pengoperasian premis ini termasuklah cadangan naiktaraf loji pengolahan kumbahan bagi mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jabatan ini menerima maklumbalas pihak terbabit sedang dalam tindakan membuat penilaian dan memperhalusi cadangan penyelesaian yang telah dikemukakan oleh pihak Indah Water Konsortium (IWK) bagi merasionalisasi Loji Rawatan Kumbahan Persendirian Terminal Bersepadu Selatan ke Loji Rawatan IWK KLR 352.

Semakan pegawai penyiasat ke atas pematuhan bagi pelepasan premis ini di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020 & 2021 telah mendapati pelepasan kumbahan daripada premis Loji Kumbahan ini adalah patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada PKP 1.0, 2.0 dan 3.0 dengan rekod kapasiti kemasukan kumbahan ke dalam Loji ini yang kurang daripada rekabentuk asal akibat kawalan pergerakan rakyat Malaysia pada ketika itu.

Semakan pegawai penyiasat juga mendapati, rekabentuk asal yang dicadangkan sewaktu peringkat awal pembinaan loji kumbahan di TBS adalah

sebanyak **1300 PE**. Rekod operasi melalui rekod bacaan kadar aliran menunjukkan jumlah kegunaan loji kumbahan yang tertinggi sepanjang tahun 2020 adalah pada 23 Julai 2020 iaitu 706 m³/day bersamaan dengan **3137 PE**. Diyakini bahawa kapasiti penggunaan harian yang telah melebihi kapasiti rekabentuk asal adalah salah satu punca ketidakpatuhan premis terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.


PENGUATKUASAAN KE ATAS PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL PREMIS YANG DITETAPKAN BUANGAN TERJADUAL (PYDT BT)

Seiring dengan zaman penggunaan teknologi dan sistem aplikasi atas talian yang terkini, JAS juga tidak terkecuali daripada mewujudkan dan menggunakan satu sistem atas talian yang dikenali sebagai *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS) untuk kegunaan semua Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT) sebagai pengeluar buangan dan juga penerima buangan terjadual iaitu Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sebagai premis atau kemudahan yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, AKAS 1974. Penggunaan sistem ini memudahkan kerja-kerja pemantauan dan pelaporan terhadap pengendalian dan pengurusan buangan terjadual termasuk pelaporan notifikasi, inventori dan nota konsainan pengeluar dan penerima buangan terjadual.


Di bawah seliaan JASWPKL pada tahun 2023, terdapat lima (5) Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak Pengangkutan buangan tersebut.

Pada sukuan pertama tahun 2023, sebanyak lima (5) pembaharuan lesen premis Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (E-waste) dan lima (5) pembaharuan lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan elektrik dan elektronik (E-waste) telah dikeluarkan. Sebanyak 40 pemeriksaan telah dilaksanakan terhadap kesemua lima (5) premis dan pengangkut PYDT BT tersebut dalam memastikan pematuhan terhadap AKAS 1974.

Bilangan pemeriksaan PYDT BT dan pecahan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989, dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, pada tahun 2023 adalah seperti **Rajah 3.6**. Berdasarkan hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak tujuh (7) Notis Arahan telah dikeluarkan dan satu (1) Kampaun telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) untuk tindakan penambahbaikan pihak pemilik premis berkenaan seperti mana yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.7**.



Rajah 3.6 : Bilangan Pemeriksaan dan Pematuhan PYDT BT, 2023



Rajah 3.7 : Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas PYDT BT, 2023



Gambarfoto 3.16 : Pemeriksaan Ke Atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-waste) / Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual



Gambarfoto 3.17 : Pemeriksaan ke atas Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) / Pembawa Yang Ditetapkan Buangan Terjadual

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel


Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

1. Operasi Statik (Diesel, Petrol, Bunyi Bising Motosikal dan Gas Motosikal);
2. Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan);
3. Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator);
4. Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam; dan
5. Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).


Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Enjin Diesel

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan sebanyak 24 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. Hasil operasi tersebut sejumlah 1053 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 212 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan daripada jumlah tersebut pula, 14 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke

Unit) dan 55 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Ssekeliling, 1974 telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.8**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 98.7%.



Rajah 3.8 : Tindakan Penguatkuasaan Yang Diambil ke Atas Kenderaan Enjin Diesel Tahun 2023



Gambarfoto 3.18 : Operasi Pelepasan Daripada Enjin Diesel Dan Gas CO/HC



Gambar 3.19 : Operasi Pelepasan Daripada Enjin Diesel Dan Gas CO/HC

Operasi Bersepadu

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 116 operasi melibatkan agensi-agensinya tersebut.



Gambarfoto 3.20 : Operasi Bersepadu Yang Dijalankan Bersama Pihak Agensi Lain


Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat telah dijalankan dengan menggunakan kamera video. Pegawai-pegawai Peronda JAS Kuala Lumpur telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam dengan berlebihan.

Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 221 Operasi Catat telah dijalankan. Sebanyak 21,364 buah kenderaan diesel telah

diperhatikan dan daripada jumlah itu, 18 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pecahan mengikut jenis kenderaan adalah seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.8**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 99.8 %.



Rajah 3.9 : Bilangan Operasi Catat Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2023

Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dan petrol dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam dan gas ke atas semua

kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap 6 bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan.

Sejumlah 33 lawatan telah dijalankan ke atas 38 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ia bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca.



Gambarfoto 3.21 : Pemeriksaan Di Premis Fleet Operator (FO)


Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL.

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapi dengan meter asap dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, RAPID MALURI Cheras dan PUSPAKOM Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2023, sebanyak 111 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Ujian semula ini dijalankan pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari.

Ujian semula ini dilakukan oleh pihak PUSPAKOM di saksikan oleh pegawai-pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.




Gambarfoto 3.22 : Pemeriksaan Di Premis Fleet Operator (FO) / Kemudahan Yang Diluluskan (KYOL)

Kawalan Pelepasan Asap Di Hentian Bas Awam

Bagi program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas sembilan (9) buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hub Lebu Pudu, Hentian Duta, Hub Pasar Seni, Hentian Pekeliling, Hentian Putrajaya Sentral, Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Hentian Puduraya dan Hentian KL Sentral.

Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak lapan (8) lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 57 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2023, tiada kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kesalihan di bawah Peraturan ini.



Gambarfoto 3.23 : Operasi Di Hentian Bas

Kawalan Pengurusan Refrigeran

Sebanyak enam (6) buah Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (air conditioning system) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan *Refrigerant Identifier* sepanjang tahun 2023 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Semua Pusat Servis Penghawa Dingin yang diperiksa telah mematuhi peraturan di atas.




Gambarfoto 3.24 : Pemeriksaan Pematuhan dan Pengujian Dengan Menggunakan Refigerant Identifier

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2023, sebanyak 4 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Melalui operasi tersebut, sejumlah 55 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan *hidrokarbon* (HC). Hasil operasi mendapati semua kenderaan yang diuji mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.10**.



Rajah 3.10 : Bilangan Kenderaan Yang Diperiksa Secara Visual Melalui Ops Catat Pelepasan Gas Daripada Enjin Petrol




Gambarfoto 3.25 : Operasi Pelepasan Gas CO/HC Daripada Kenderaan Berenjin Petrol

Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 87 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sebanyak 5,597 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan saringan dan sebanyak 992 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan meter bunyi bising. Dari jumlah tersebut, 626 buah motosikal telah dikenakan kompaun dan 841 surat arahan untuk menjalani ujian semula bunyi bising seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.11**.



Rajah 3.11 : Status Tindakan Bagi Penguatkuasaan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal




Gambarfoto 3.26 : Operasi Pelepasan Bunyi Bising Motosikal

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motosikal

Pada tahun 2023, sebanyak 5 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Sebanyak 119 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas dan daripada jumlah tersebut didapati 18 buah motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak tiga (3) kompaun dan 15 notis arahan dikeluarkan kepada pemilik motosikal yang gagal mematuhi had seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.12**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 84.9%.



Rajah 3.12 : Status Tindakan Terhadap Pelepasan Gas CO Daripada Motosikal




Gambar 3.27 : Operasi Pelepasan Gas CO Daripada Motosikal

ADUAN

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menerima dan mengambil tindakan susulan terhadap 628 kes aduan pencemaran alam sekitar. Peningkatan aduan yang diterima adalah sebanyak 24% berbanding 475 kes yang diterima pada tahun 2022.


Statistik aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak 2013 sehingga 2023 menunjukkan bahawa bilangan aduan yang tertinggi diterima adalah pada tahun 2021. Aduan yang diterima daripada pengadu adalah melalui talian telefon hotline, aplikasi *WhatsApp*, sistem e-aduan, email, surat ataupun secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan tersebut boleh dirujuk pada **Rajah 3.13**.



Rajah 3.13 : Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2013 Sehingga Tahun 2023

Bagi jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2023, pencemaran udara merupakan aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 493 kes (78.5 %). Ini diikuti dengan kes pencemaran air sebanyak 18

kes (2.87%), kes pencemaran bunyi bising sebanyak 39 kes (6.21%) dan kes aduan tumpahan minyak sebanyak 1 kes (0.16%). Sebanyak 77 kes (12.26%) adalah di luar bidang kuasa seperti aduan mengenai pembuangan sampah secara haram dan kacau ganggu. Bagi aduan seumpama ini, JAS WPKL ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada agensi-agensi berkaitan yang mempunyai bidang kuasa bagi mengambil tindakan selanjutnya. Carta peratusan aduan mengikut jenis adalah seperti di dalam **Rajah 3.14**.




Rajah 3.14 : Carta Peratusan Jenis Aduan Tahun 2023

Sepanjang tahun 2023, aduan pembakaran terbuka merupakan aduan yang paling banyak diterima oleh JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak 412 kes (66%) berbanding dengan aduan pencemaran lain. Pecahan bagi aduan pembakaran terbuka mengikut kawasan parlimen pula menunjukkan kawasan Parlimen Seputeh merupakan kawasan paling tinggi yang diadu sebanyak 63 kes (15.3%).

Ini diikuti dengan kawasan Parlimen Segambut sebanyak 62 kes (15%), kawasan Parlimen Batu sebanyak 58 kes (14.1%), kawasan Parlimen Wangsa Maju sebanyak 53 kes (12.9%), kawasan Parlimen Setiawangsa sebanyak 38 kes (9.2%), kawasan Parlimen Cheras sebanyak 32 kes (7.8%), kawasan Parlimen Bukit Bintang sebanyak 31 kes (7.5%), kawasan Parlimen Kepong sebanyak 26 kes (6.3%), kawasan Parlimen Bandar Tun Razak sebanyak 20 kes (4.9%), kawasan Parlimen Titiwangsa sebanyak 17 kes (4.1%), dan kawasan Parlimen Lembah Pantai sebanyak 12 kes (2.9%).

Bilangan aduan pembakaran terbuka mengikut kawasan parlimen adalah seperti di dalam **Rajah 3.15**.



Rajah 3.15 : Bilangan Aduan Pembakaran Terbuka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023

RONDAAN MENEGAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Pada tahun 2023 juga sebanyak **129** rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

PENDAKWAAN

UNIT PENDAKWAAN

Dengan kuasa yang diberikan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Kuala Lumpur kepada Pegawai Pendakwa di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), proses pendakwaan akan dijalankan ke atas penjenayah Alam Sekitar yang melakukan kesalahan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) serta akan

dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan, Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di antara skop tugas Pegawai Pendakwa dan pegawai-pegawai di Unit Pendakwaan JAS WPKL adalah seperti berikut;

1. Menyemak Kertas Siasatan yang dibuka oleh pegawai penyiasat;
2. Mengendalikan sebutan kes dan pengurusan kes di mahkamah;
3. Mengendalikan kes perbicaraan di mahkamah;
4. Memberi taklimat kes kepada Timbalan Pendakwaraya Negeri (TPR) atau Penasihat Undang-Undang Jabatan (PUU);
5. Membantu pegawai penyiasat melengkapkan kertas siasatan; dan
6. Menyemak status kompaun yang dikeluarkan oleh pegawai penyiasat.

KERTAS SIASATAN, TAWARAN KOMPAUN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Pendakwaan merupakan proses tindakan mahkamah yang telah diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan yang tertakluk di bawahnya. Proses tindakan mahkamah ini akan melalui perkara-perkara seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.16**.

KERTAS SIASATAN

IZIN KOMPAUN/IZIN DAKWA

PENDAFTARAN KES MAHKAMAH

SEBUTAN DAN PERBICARAAN KES

DENDA & HUKUMAN

Rajah 3.16 : Carta Alir Proses Tindakan Mahkamah

Berdasarkan peruntukan perundangan, kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang tertakluk dibawahnya boleh dikenakan sama ada tindakan kompaun atau tindakan mahkamah dengan proses dimulakan dengan penyediaan kertas siasatan.

KERTAS SIASATAN

Kertas Siasatan adalah satu rekod fakta secara bertulis dan keterangan yang diperolehi melalui penyiasatan yang dijalankan ke atas kes jenayah alam sekitar mengikut peruntukan Akta 127. Kertas siasatan yang telah dibuka seterusnya dikemukakan kepada TPR Negeri atau Penasihat Undang-Undang (PUU) JAS bagi permohonan keizinan mengkompaun dan keizinan pendakwaan sepertimana kehendak Seksyen 44, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.


Sepanjang tahun 2023, bilangan kertas siasatan oleh JAS WPKL yang telah dibuka mengikut punca pencemaran adalah seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.17**.



Rajah 3.17 : Kertas Siasatan Yang Dibuka Mengikut Punca Pencemaran Tertakluk AKAS, 1974

IZIN MENKOMPAN DAN TAWARAN KOMPAUN

Tawaran kompaun dikeluarkan kepada pesalah di bawah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun setelah mendapat keizinan mengkompaun daripada TPR atau PUU. Bagi tahun 2023, sebanyak 512 tawaran kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah kutipan bayaran sebanyak RM254,100.00 diperolehi oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Taburan tawaran kompaun mengikut kesalahan adalah seperti **Rajah 3.18**.



- PPKAS (BUNYI BISING KENDERAAN MOTOR) 1987 (418)
- PPKAS (BUANGAN TERJADUAL) 2005 (43)
- PPKAS (EFLUEN PERINDUSTRIAN) 2009 (37)
- PPKAS (KAWALAN PELEPASAN DARIPADA ENJIN DIESEL) (7)
- PPKAS (KAWALAN PELEPASAN DARIPADA MOTOSIKAL) 2003 (2)
- PPKAS (KAWALAN PELEPASAN DARIPADA ENJIN PETROL) 1996 (1)
- PPKAS (KUMBAHAN) 2009 (2)
- SEKSYEN 29A (1) AKAS 1974 (2)

Rajah 3.18 : Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Kesalahan Di Bawah AKAS 1974



TINDAKAN MAHKAMAH

PENDAKWAAN, PENDAFTARAN KES MAHKAMAH DAN PERBICARAAN KES MAHKAMAH

Kertas siasatan yang telah lengkap, akan dirujuk kepada TPR atau PUU bagi mendapatkan keizinan pendakwaan. Izin pendakwaan hendaklah dikemukakan kepada mahkamah semasa pendaftaran kes dibuat di mahkamah dalam tempoh 6 bulan daripada tempoh perakuan keizinan pendakwaan oleh TPR atau PUU. Seterusnya proses sebutan dan perbicaraan kes akan ditetapkan oleh Hakim Mahkamah yang berkenaan.

Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, tempoh piagam bagi satu perbicaraan kes jenayah alam sekitar adalah ditetapkan dengan perlu dimulakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kes tersebut didaftarkan. Bilangan kertas siasatan bagi izin pendakwaan, pendaftaran kes dan sebutan dan perbicaraan kes pada tahun 2023 adalah seperti di **Rajah 3.19** berikut;



Rajah 3.19 : Bilangan Kes Izin Dakwa, Pendaftaran Kes Dan Sebutan Kes di Mahkamah Bagi Kesalahan di Bawah AKAS 1974

KES SELESAI

DENDA DAN HUKUMAN MAHKAMAH, KES 'DISCHARGE NOT AMOUNTING TO AN ACQUITTAL' (DNAA) DAN KES 'NO FURTHER ACTION' (NFA)

Sebanyak dua (2) kes mahkamah telah diselesaikan pada tahun 2023 masing-masing merupakan kesalahan yang telah dilakukan pada tahun 2020 dan tahun 2021. Satu (1) kes kesalahan melibatkan pelanggaran Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu telah menduduki premis yang ditetapkan tanpa lesen sebagai Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan jumlah denda mahkamah sebanyak RM 15,000.00.

Manakala satu lagi kes adalah kes Orang Kena Saman (OKS) dilepaskan tanpa dibebaskan oleh Mahkamah (DNAA) atas alasan OKS telah berjaya membayar kompaun yang telah ditawarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada tahun 2023 juga, terdapat 389 kes yang diputuskan tidak diteruskan oleh Yang Arif TPR iaitu kes 'No Further Action' (NFA) antara sebab utama ialah OKS telah selesai membayar kompaun.



BAB 4

PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pengawasan Kualiti Air Tanah

Pengawasan Kualiti Udara

Pengawasan Kualiti Air Sungai

Program Pengawasan

Ceramah Alam Sekitar

Pameran Alam Sekitar



Pengawasan & Promosi Kesedaran Alam Sekitar

PENGAWASAN

Program Pengawasan utama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2023 adalah terbahagi kepada tiga (3) iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai. Pengawasan bunyi bising juga turut dilaksanakan bagi membantu siasatan dan pemantauan terhadap kes-kes aduan awam berkenaan bunyi bising daripada projek-projek yang tertakluk di bawah aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Alam Sekeliling Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 2015 (EIA).

Kerja-kerja pengawasan dilaksanakan secara pemantauan di lapangan dan pemantauan data secara *desktop* melalui sistem yang dibangunkan oleh Jabatan seperti berikut;

1. Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Management Programme-EQMP*); dan
2. Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Pada tahun 2023, terdapat tujuh (7) Stesen Air Tanah yang dikawal selia oleh JAS WPKL iaitu dua (2) Stesen Air Tanah di Taman Beringin Kepong, tiga (3) Stesen Air Tanah di Jalan Sungai Besi, satu (1) Stesen Air Tanah di Royal Selangor Golf Resort dan satu (1) Stesen Air Tanah di Taman Wetland

Putrajaya. Tiada persampelan dijalankan di Stesen Air Tanah Royal Selangor Golf Resort kerana aras air tanah yang tidak boleh diakses. Pengauditan stesen air tanah oleh Pegawai dari Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah diadakan pada 15 Ogos 2023 dan 24 September 2023 di stesen pengawasan air tanah Lebuhraya Maju Expressway (MEX) Sungai Besi.

Pengawasan air tanah dilaksanakan bagi setiap sukuan dari sukuan pertama hingga sukuan keempat setiap tahun. **Gambarfoto 4.1** menunjukkan persampelan stesen pengawasan air tanah yang dilaksanakan pada tahun 2023.





Gambarfoto 4.1 : Kerja-Kerja Persampelan Stesen Pengawasan Air Tanah Sepanjang Tahun 2023

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima peruntukan sebanyak RM 2,100.00 bagi tahun 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan luaran di tiga (3) lokasi stesen pengawasan air tanah iaitu di Tapak Nurseri DBKL, Bekas Tapak Pelupusan Sampah masing-masing di Taman Beringin, Kepong dan stesen pengawasan air tanah di Wetland, Putrajaya. Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor yang dilantik adalah seperti di dalam **Gambarfoto 4.2** dan **Gambarfoto 4.3**.



Gambarfoto 4.2 : Aktiviti Penyelenggaraan Luaran Stesen Air Bawah Tanah



Gambarfoto 4.3 : Aktiviti Penyelenggaraan Luaran Stesen Air Bawah Tanah

Lokasi stesen-stesen air bawah tanah adalah seperti di dalam **Jadual 4.1**. Manakala **Jadual 4.2** menunjukkan jadual persampelan kualiti air bawah tanah yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2023.

Jadual 4.1 : Lokasi Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023

BIL.	LOKASI	JENIS GUNA TANAH	ID STESEN	KOORDINAT
1	Taman Beringin Kepong	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-4-7.26	E 101.658580 N 3.232221
2	Taman Beringin Kepong	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-5-6.10	E 101.656352 N 3.227653
3	Jalan Sungai Besi	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-1-5.50	E 101.708023 N 3.105517
4	Jalan Sungai Besi	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-2-5.54	E 101.710106 N 3.107476
5	Jalan Sungai Besi	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-2-5.57	E 101.710901 N 3.108516
6	Royal Selangor Golf Club	Padang Golf	MW(7)-W310115-6-5.37	E 101.724000 N 3.148000
7	Taman Wetland Putrajaya	Bandar/Separa Bandar	MW(7)-W210103-1-10.0	E 101.713632 N 2.962034

Jadual 4.2 : Jadual Persampelan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023

BIL.	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN
1.	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-1-5.50	27.3.2023 3.4.2023 6.11.2023
2.	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-2-5.54	28.1.2023 3.4.2023 21.8.2023 6.11.2023
3.	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-3-5.57	28.1.2023 3.4.2023 21.8.2023 6.11.2023

BIL.	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN
4.	Taman Beringin Kepong	MW(7)-W310115-4-7.26	27.2.2023 13.6.2023 15.8.2023 16.10.2023
5.	Taman Beringin Kepong	MW(7)-W310115-5-6.10	27.2.2023 13.6.2023 15.8.2023 16.10.2023
6.	Taman Wetland Putrajaya	WW(7)-W310115-7-10.00	20.3.2023 12.6.2023 7.8.2023 30.10.2023
7.	Royal Selangor Golf Club	MW(7)-W310115-6-5.37	Tiada persampelan kerana telaga mempunyai kadar aliran air yang rendah

PENGAWASAN KUALITI UDARA

Syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd sejak 14 April 2017 adalah bertanggungjawab membangunkan Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme-EQMP) dan melaksanakan pemantauan status kualiti udara secara atas talian (online).

Terdapat tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara automatik (Continuous Air Quality Monitoring-CAQM) dan tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara manual (Manual Air Quality Monitoring-MAQM) di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang diselia oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti di dalam **Jadual 4.3** dan **Jadual 4.4**.

Status kualiti udara diukur dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Setiap pencemar akan menghasilkan sub-indeks tersendiri. Sub-indeks tertinggi secara relatif akan diambil kira sebagai bacaan IPU. Penunjuk status kualiti udara adalah seperti di dalam **Jadual 4.6**. Antara parameter-parameter IPU yang diukur adalah;

- i. Pepejal Terampai bersaiz 10 mikrometer (PM_{10})
- ii. bersaiz 2.5 mikrometer ($PM_{2.5}$)
- iii. Sulfur Dioksida (SO_2)
- iv. Nitrogen Dioksida (NO_2)
- v. Karbon Monoksida (CO)
- vi. Ozon Paras Bumi (O_3)

Jadual 4.3 : Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK / CONTINUOUS AIR QUALITY MONITORING STATION (CAQMS)			
NAMA STESEN	LOKASI	KOORDINAT	KATEGORI
Batu Muda CA15W	Sekolah Kebangsaan Batu Muda Jalan 2/12d, Sentul 51100 Kuala Lumpur	101.682228 3.212439	Sub Urban
Cheras CA16W	Stadium Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permaisuri Jalan Seri Permaisuri Bandar Seri Permaisuri 56000 Kuala Lumpur	101.717917 3.106236	Urban
Presint 18 CA17Q	Sekolah Kebangsaan Presint 18 (2) No.3 Jalan P18 Presint 18 2100 Putrajaya	101.69005 2.914816	Sub Urban

Jadual 4.4 : Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA MANUAL / MANUAL AIR QUALITY MONITORING STATION (MAQMS)		
NAMA STESEN	LOKASI	KOORDINAT
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur MA04W	MRR1 Jalan Temerloh, Titiwangsa 53200 Kuala Lumpur	101.707494 3.173285
Wisma SCA MA05W	Wisma SCA No.3 Jalan Sungai Besi 57100 Kuala Lumpur	101.712559 3.132627
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur MA06W	Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur	101.694368 3.151995

Jadual 4.5 : Bacaan Indeks Kualiti Udara (IPU)

INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)	STATUS
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
>300	Berbahaya



Gambarfoto 4.4 : Stesen Pengawasan Kualiti Udara Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

